



PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

TEKS UCAPAN

YB DR. ZALIHA MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

SEMPENA

PROGRAM NUR RAMADAN
PARLIMEN SETIAWANGSA

25 MAC 2024

SURAT JUMAAT AN-NAIM
WANGSA MAJU, KUALA LUMPUR

Terima kasih pengacara majlis.

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ

الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ

الْعَالَمِينَ' وَالصَّلَاةُ

وَالسَّلَامُ عَلٰى

سِيدِنَا مُحَمَّدًا

أشرف المرسلين وعلى آله وصحبه أجمعين

SALUTASI AKAN DISEDIAKAN

Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam
Malaysia MADANI.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan

limpah kurnia dan rahmatNya kita semua dapat bersama-sama pada hari ini di dalam Program Nur Ramadan Wilayah Persekutuan peringkat Parlimen Setiawangsa.

2. Seperti semua sedia maklum, hari ini merupakan hari ke-14 kita berpuasa di bulan Ramadan dan malam ini merupakan malam ke-15 Ramadan.
3. Alhamdulillah, akhirnya kita sampai di pertengahan Ramadan dan akan menjengah ke 10 malam terakhir di mana malam Lailatul Qadar dijanjikan oleh Allah SWT.

4. Saya berharap semoga Allah SWT memberkati ibadah kita semua dan melimpahkan segala kebaikan yang ada pada bulan ini.

FADILAT RAMADAN

Para hadirin sekalian,

5. Bulan Ramadan merupakan bulan yang penuh rahmat dan keberkatan, dosa-dosa diampunkan, pahala amal digandakan dan dikurniakan Lailatul Qadar yang merupakan malam yang lebih baik daripada 1,000 bulan.

-
-
-
-
-
6. Amalan berpuasa di bulan Ramadan ini ada banyak kelebihan dan keistimewaan yang tersendiri. Mereka yang berpuasa di bulan Ramadan memiliki kelebihan berupa pengampunan segala dosa yang lalu.
7. Jaminan ini adalah satu peluang keemasan yang perlu direbut dengan sebaik-baiknya seperti sabda Rasulullah SAW mafhumnya: “Sesiapa yang berpuasa Ramadan dengan penuh keimanan dan mengharapkan pahala, maka

diampunkan segala dosanya yang telah lalu” (Hadis Riwayat Bukhari).

8. Selain itu, orang yang berpuasa ini termasuk dalam salah satu daripada 3 golongan yang tidak ditolak doanya, iaitu pemimpin yang adil, orang yang berpuasa sehingga ia berbuka dan doa orang yang zalim.
9. Hakikatnya terlalu banyak kelebihan, keistimewaan, hikmah dan manfaat bagi orang-orang yang melaksanakan ibadah puasa kepada individu, keluarga dan masyarakat, sama ada dari aspek rohani, jasmani, emosi dan intelektual.

10. Apa yang penting, puasa di bulan Ramadan ini adalah antara amal soleh dan ibadah yang utama sebagai jalan untuk mengabdikan diri kepada Allah SWT demi mencapai ketakwaan dan reda Illahi, seterusnya memperoleh kemenangan hakiki berupa ganjaran syurga di akhirat nanti.

LIMPAHAN MANFAAT EKONOMI KEPADА RAKYAT

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

11. Kerajaan Perpaduan pada hari ini komited untuk sentiasa berusaha untuk menjadikan Malaysia sebagai peneraju ekonomi Asia dan sekaligus

limpahan manfaat itu akan dikembalikan semula kepada rakyat.

12. Setiap perkara yang Kerajaan laksanakan, pastinya kebaikan dan kepentingan negara dan rakyat sentiasa menjadi keutamaan.
13. Banyak aspek yang perlu kami diperingkat Jemaah Menteri nilaikan sebelum sesuatu keputusan itu dilaksanakan.
14. Sebagai contoh, setakat Mac 2024 ini, Malaysia berjaya meraih potensi pelaburan asing berjumlah RM 76.1 bilion. Dalam tahun 2023 sahaja, Malaysia telah meraih pelaburan diluluskan berjumlah RM 329.5 bilion

iaitu pencapaian tertinggi dalam sejarah negara.

15. Indikator makroekonomi lain seperti kadar pengangguran dan kadar inflasi juga menunjukkan tren membaik berbanding tahun lalu. Kadar pengangguran turun dari 3.7 peratus ke 3.3 peratus pada Januari 2024. Manakala, kadar inflasi pula turun kepada 1.6 peratus pada suku keempat 2023 berbanding 2 peratus pada suku ketiga.
16. Angka-angka positif makroekonomi ini menunjukkan bahawa prospek pelaburan negara berada pada tahap yang amat baik dan membuktikan

bahawa Malaysia sekarang berada di landasan yang betul.

17. Mungkin ada yang bertanya, apa manfaat pelaburan kepada rakyat? Banyak manfaat yang akan dinikmati oleh rakyat. Antaranya, pastinya dengan pelaburan yang masuk, syarikat-syarikat berkenaan akan membuka premis mereka di Malaysia. Dalam masa yang sama, mereka perlukan pekerja untuk menggerakkan premis mereka dan di sini lah rakyat Malaysia akan mendapat manfaat peluang pekerjaan mahir atau separuh mahir.

18. Selain itu, syarikat tersebut juga akan membayar cukai kepada Kerajaan untuk beroperasi di Malaysia. Jadi, Kerajaan akan terima hasil daripada aktiviti tersebut. Hasil ini lah yang digunakan oleh Kerajaan untuk dilimpahkan semula kepada rakyat dalam bentuk projek-projek kecil atau bantuan-bantuan tunai dan banyak lagi.
19. Ini lah antara limpahan manfaat yang akan diterima hasil daripada kemasukan pelaburan yang masuk ke negara yang sedang diusahakan secara gigih oleh Kerajaan Perpaduan ini.

NUR RAMADAN SETIAWANGSA

Para hadirin yang dimuliakan sekalian,

20. Penganjuran Nur Ramadan pada hari ini juga merupakan sebahagian daripada usaha Kerajaan yang diadakan pada setiap tahun untuk meringankan beban golongan sasar dalam menyambut Ramadan.

21. Untuk Parlimen Setiawangsa, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) yang merupakan rakan strategik program Nur Ramadan telah menyalurkan peruntukan wang zakat sebanyak RM 60,000.00 untuk disampaikan kepada 300 orang

penerima yang layak di Parlimen Setiawangsa yang akan kita serahkan selepas ini. Terima kasih saya ucapkan kepada MAIWP atas sumbangan ini.

PENUTUP

Para hadirin sekalian,

22. Saya berharap agar sumbangan yang diberikan ini akan meringankan beban serta kos perbelanjaan tuan-tuan dan puan-puan semua dalam menyambut Ramadan dan Aidilfitri yang bakal kunjung tiba tidak lama sahaja lagi.

23. Semoga Allah SWT memberikan kita semua kekuatan dan kemudahan untuk menjalani ibadah puasa ini dengan baik sehingga ke penghujungnya.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah
wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.